

03/12/1999

Dua Adun Gerakan keluar parti

GEORGETOWN, Khamis - Dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gerakan hari ini mengisytiharkan keluar daripada parti itu, hanya selepas tiga hari menang dalam pilihan raya umum.

Adun Datuk Kramat, Lim Boo Chang dan Adun Bayan Lepas, Lim Chien Aun membuat pengumuman itu dalam sidang akhbar bersama di sini petang ini.

Chien Aun berkata, surat mereka keluar daripada parti itu sudah disampaikan kepada Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik melalui faksimili hari ini dan berkuatkuasa serta merta.

Bagaimanapun, katanya, mereka kekal sebagai Adun yang mewakili Barisan Nasional (BN).

"Saya dan Boo Chang sedar melalui BN, kami berjaya kembali menjadi Adun selepas dipilih semula oleh pengundi. Tindakan kami tidak akan mengubah sokongan dan hormat kami kepada BN dan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sehubungan itu, kami akan kekal sebagai Adun bebas dan terus berkhidmat kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, keputusan keluar dari parti itu dibuat selepas mereka berfikir panjang.

"Ia tentunya sukar kerana bapa saya (Tun Dr Lim Chong Eu) bukan saja bekas Ketua Menteri, tetapi pengasas Gerakan," katanya.

Bapa Boo Chang, Datuk Lim Ee Heong juga seorang daripada pengasas Gerakan.

Chien Aun dan Boo Chang berkata, mereka belum membuat keputusan sama ada untuk menyertai parti politik lain dalam masa terdekat ini.

Tindakan mereka itu menyebabkan Gerakan kini hanya tinggal lapan kerusi. Parti itu memenangi 10 daripada 11 kerusi DUN yang ditandinginya.

Dalam kenyataan bersama itu, mereka menjelaskan, tindakan keluar parti itu diambil berikutan kepemimpinan Gerakan gagal mencapai mutu yang tinggi.

Mereka berpendapat, Pulau Pinang bukan saja ketinggalan dari aspek pembangunan, malah kepemimpinan Gerakan sekarang tidak menyumbang kepada pembangunan politik parti dan juga dalam konteks politik negara.

"Melalui pengalaman, kami tidak ada keyakinan bahawa kepemimpinan Gerakan yang ada sekarang mampu memikul tanggungjawab memajukan Pulau Pinang dan seterusnya memberi sumbangan besar kepada politik negara dalam tempoh beberapa tahun akan datang," kata mereka.

Mereka berkata, untuk mengekalkan pemimpin Gerakan negeri sekarang hanya akan membantutkan pertumbuhan dan pembangunan Pulau Pinang.

Pada pilihan raya lalu, Boo Chang mengalahkan calon DAP, Karpal Singh bagi DUN Datuk Kramat dengan majoriti 3,148, manakala Chien Aun (DUN Bayan Lepas) menewaskan Mohidee Abdul Kader (Keadilan) dan Tan Ban Yew (MDP) dengan majoriti 3,846.

(END)